

Bimbang kala hujan

■ Penduduk kerugian rumah dinaiki air paras betis

Oleh Nor Shafinaz Sari
am@mediaprima.com.my
Alor Gajah

Penduduk Kampung Ghaffar Baba, Tanjung Kling, di sini, kecewa apabila longkang berhampiran rumah mereka tidak diselenggara sejak setahun lalu menyebabkan banjir kerap berlaku setiap kali hujan lebat.

Penduduk mendakwa, tahun ini sudah dua kali rumah dinaiki air sehingga paras betis dan terbaru awal minggu ini menyebabkan banyak kerugian perlu ditanggung.

Tinjauan Metroplus di kawasan longkang berkenaan mendapati ia dipenuhi semak dan sampah sarap sehingga menghalang aliran air.

Penduduk, Merah Hassan, 63, berkata, longkang berkenaan tidak diselenggara pihak berkenaan sejak lebih setahun lalu.

“Memang longkang ini



“Memang longkang ini sudah dibesarkan, namun kerja penyelenggaraan perlu dilakukan”
Merah Hassan

MERAH
menunjukkan paras air jika rumahnya dilanda banjir.

sudah dibesarkan dan diletak palang, namun kerja penyelenggaraan perlu dilakukan untuk memastikan air sentiasa mengalir.

“Sudah beberapa kali rumah dimasuki air apabila hujan lebat dan saya sudah letih mengemas semula rumah selepas dimasuki air,” katanya.

Bagi Md Yusop Tonin, 69, setiap kali hujan mereka dilanda kebimbangan kerana rumah pasti dinaiki air.

“Setiap kali hujan lebat, air longkang pasti melimpah sehingga memasuki rumah kami dan saya sudah tidak sanggup lagi menghadapinya.

“Tolonglah selenggara longkang ini demi kesejahteraan penduduk,” katanya.